

Jalur Gemilang: Manoharan minta maaf, DAP minta Umno-BN jangan buat isu
The Malaysian Insider
21 September , 2011

KUALA LUMPUR, 21 Sept — Isu Jalur Gemilang telah selesai selepas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) DAP Kota Alam Shah, M Manoharan meminta maaf secara terbuka atas pandangannya berhubung bendera Malaysia, kata parti itu.

Justeru, Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP Teresa Kok (gambar) berkata Umno dan Barisan Nasional (BN) sepatutnya tidak memainkan lagi isu berkenaan.

Sebaliknya kata beliau, parti itu wajar menumpukan perhatian kepada segala "transformasi" yang dilaungkan Datuk Seri Najib Razak untuk kepentingan rakyat Malaysia.

Bagaimanapun beliau tidak menyebut bila permohonan maaf itu dibuat.

"Sepatutnya, mereka (pemimpin-pemimpin BN) menumpukan lebih perhatian kepada isu yang jauh lebih penting iaitu berkenaan penggubalan dua undang-undang baru yang dikatakan akan menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)," katanya dipetik Rokatini.

Kok, yang juga Ahli Parlimen Seputeh, memberitahu, BN juga perlu membuktikan keikhlasan mereka untuk menjadi "negara demokrasi terbaik di dunia" dengan meminda atau lebih baik lagi memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan serta akta-akta lain dengan segera seperti yang diumumkan Perdana Menteri Khamis lalu.

Sementara itu, dalam isu Jalur Gemilang, Manoharan melalui laman Facebook telah pun menyatakan permohonan maaf beliau secara terbuka, yang perihatin untuk menjaga sensitiviti rakyat Malaysia.

Melalui Facebook, Manoharan dipetik sebagai berkata, "saya anak Malaysia yang patriotik. Saya memohon maaf berhubung komen saya mengenai bendera Malaysia yang telah menimbulkan perasaan tidak selesa kepada anda semua."

Jelas Kok, pandangan Manoharan sebenarnya bukanlah melambangkan pendirian DAP atau Pakatan Rakyat.

"Kita tidak pernah mempersoalkan kedudukan Jalur Gemilang sebagai sebagai bendera kebangsaan, jauh lagi dari berhasrat untuk mengubahnya. Ianya bukan isu Pakatan," jelasnya.

Bagaimanapun, jelas Kok, beliau dan beberapa pimpinan DAP telah pun menasihatkan Manoharan agar lebih berhati-hati bila mengeluarkan sebarang kenyataan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jalur-gemilang-manoharan-minta-maaf-dap-minta-umno-bn-jangan-buat-isu/>